

MAJLIS PENYERAHAN CEK PAMPASAN TUNTUTAN KEMATIAN SKIM TAKAFUL BERKELOMPOK ATM

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5723-majlis-penyerahan-cek-pampasan-tuntutan-kematian-skim-takaful-berkelompok-atm

SHAH ALAM, 10 Dis 19 - Komander Pangkalan Udara Subang, Brig Jen Omar bin Hj Dawami TUDM telah menyampaikan Cek Pampasan Tuntutan Kematian Skim Takaful Berkelompok ATM kepada waris Allahyarham Kpl U Mohd Aizul Shazwan bin Anuar anggota dari Pejabat Fasilitas PU Subang yang telah meninggal dunia pada 13 Ogos 19 lalu akibat kemalangan jalan raya.



Cek pampasan tersebut telah diserahkan oleh Komander Pangkalan dalam satu majlis yang diadakan di Bilik Merpati, Bangunan Pergerakan Udara Pangkalan kepada ibu arwah, Puan Sariah binti Shafie'a dan juga isterinya, Puan Nur Safika binti Ahmad Tajuddin.



Turut hadir Ketua Cawang Tadbir, Lt Kol Amrul bin Yacob TUDM dan semua anggota Cawang Tadbir Pangkalan. Semoga dengan sumbangan yang diberikan dapat membantuan dan meringankan beban kepada keluarga arwah.

